

10 HAL KEKUATAN FIKIRAN MANUSIA

NOR' AZURAH MD KAMDARI

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
 UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU

Di saat kita ingin menanam pokok buah-buahan, kita memerlukan sumber tanah yang subur dan tidak mempunyai sisa-sisa kotoran yang lain pada tanah tersebut. Ini penting agar pokok buah-buahan yang tumbuh itu akan tumbuh sihat dan mengeluarkan buah yang banyak. Begitulah ibarat ketika kita ingin menanam cita-cita dan impian kita, fikiran kita haruslah bersih dan bebas daripada segala perkara yang negatif.

Berikut 10 hal kekuatan fikiran manusia yang perlu kita tahu:

1. Visualkan apa yang kita mahukan
2. Tanamkan apa yang kita harapkan
3. Yakinkan seolah kejayaan itu ada
4. Fikirkan alasan mulia mengapa kejayaan itu kita perlu wujudkan
5. Rasakan, lihat dan dengarkan seolah kejayaan itu sudah terjadi
6. Lakukan dan kerjakan walaupun sekecil apa pun usaha, yang penting ada *progress*
7. Sentiasa bersyukur dan terima walaupun sekecil hasil yang datang
8. Sentiasa ingin memberi kerana itu kunci untuk menjaga kesuburan hati
9. Yakin percaya hanya menunggu waktu sahaja, persekitaran kita dan alam semesta turut sama membantu
10. Ingat perlu berdoa kepada Allah kerana Allah mengabulkan doa.

Kesemua sepuluh hal ini yang disebut di atas bukanlah sekadar teori ataupun *Law of Interaction* yang selama ini telah dipelajari, tetapi segelintir orang telah mencubanya dan berjaya. Pergunakanlah waktu ini dengan sebaiknya, kerana ketika satu saat kita telah lanjut usia, kita akan sedar betapa ruginya kita jika kita pergunakan fikiran kita dan diisi perkara yang buruk, kerana perkara yang buruk jugalah yang akan datang. Sebaliknya jika kita berfikiran positif, maka positif jugalah yang akan datang. Jika kita berfikiran biasa-biasa, maka yang biasa yang akan datang. Tetapi jika kita bercita-cita luar biasa, maka yang luar biasa jugalah yang akan datang. Ingatlah Allah berfiman dalam hadis qudsinya mengatakan bahawa, *Aku sesuai seperti yang hambaku sangkakan, kalau baik, maka baiklah aku, kalau buruk, maka buruklah aku*. Ini bukanlah sekadar *Law of Interaction*, tetapi Allah *Al-Mujid* yang Maha Mengabulkan doa. Silakan cuba dan nescaya semuanya akan terwujud.

